



MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْبَيْضَاتِ عَلَى سَيْدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِهِ وَصَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ



A004665965

**PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN : TINJAUAN DARI
SUDUT SEJARAH**

25/2/72
INVC.....

**OLEH
NURUL HUDA BT. MOHD. BISRI**

**KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN ILMIAH
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM SYARIAH PADA SESI 1989/90**

**FAKULTI SYARIAH
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA**

JANUARI 1990

**.....Ayahanda kegigihanmu mengajar aku
erti kehidupan,**

**Bonda kesabaranmu mengajar aku erti
kesetian dan kasih sayang.**

Kakak, abang, adik dan semua keluarga,

hidup ini berona pelangi tempuhilah

ia dengan keimanan dan ketaqwaan,

Terima kasih atas dorongan kalian...

PENGHARGAAN

Alhamdulillah penulis memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Di sini juga penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid selaku penyelia dalam penulisan ini. Tanpa bimbingan dan pandangan yang bemas dari beliau tentu agak sukar untuk penulis menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sempurna. Semoga segala jasa bakti beliau mendapat ganjaran sewajarnya dari Allah S.W.T.

Tidak ketinggalan juga penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada

- 1. Prof. Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim, Sheikh Kuliah Undang-undang Universiti Islam AntaraBangsa.**
- 2. Tuan Hj. Abu Naim b. Hj. Ikhsan, Kadi Besar Selangor Darul Ehsan. ASA, PJK.**
- 3. Tuan Hj. Mohd Ishak b. Hj. Mohd Yaakob, Tim. Kadi Besar Selangor Darul Ehsan.**
- 4. En. Ismail b. Hitam, PJK.
Bekas Yang Dipertua JAIS dari 1964-1973.**
- 5. Tuan Hj. Mohd. Talha b. Hj. Abd. Rahman, PPT, PJK.
Bekas Pengarah JAIS dari 1976 - 1980.**
- 6. Ust. Hj. Ahmad Dahlan b. Hj. Abd. Manan.
Bekas nazir sekolah-sekolah Agama Islam Selangor.**

7. Ust. Husein b. Ahmad, Ketua Perundangan BHEIS
Jabatan Perdana Menteri.
8. Ust. Muhammad b. Syaari, Pegawai Urusetia 1, BHEIS Jabatan
Perdana menteri.
9. Semua kakitangan JAIS, Arkib Negara, Muzium Negeri Selangor,
Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti
Undang-undang dan Perpustakaan Negara.
10. Semua penghuni Asrama Tunku Puan Besar Khursyiah, yang telah
memberi sokongan moral kepada penulis.

Akhir sekali penulis memohon ampun kepada Allah dan kemaafan dari semua
sekiranya terdapat kesilapan dan kekurangan dalam menyiapkan kertas projek ini.
Bumi mana tak ditimpa hujan. Semoga usaha dan hasil yang sedikit ini mendapat
keberkatan dari Allah.

Nurul Huda bt. Mohd. Bisri

Taman Sri Keramat,

Kuala Lumpur.

31hb. Januari 1990

ABSTRAK

Undang-undang Islam adalah satu-satunya undang-undang Allah yang diturunkan melalui RasulNya Muhammad s.a.w untuk semua umat manusia. Ia meliputi semua aspek kehidupan dan sesuai untuk sepanjang zaman. Namun pengaruh dari penjajahan Inggeris khususnya di Tanah Melayu, keunggulan undang-undang ini telah tercemar. Inggeris telah berjaya mengeneipkan undang-undang Islam yang suatu ketika dulu merupakan undang-undang asas, sehingga menjadi undang-undang yang terpakai untuk bangsa tertentu dengan pemakaian terbatas iaitu dalam aspek undang-undang keluarga saja.

1. Tujuan Kajian

Dalam kajian ini penulis telah memilih Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam negeri Selangor Darul Ehsan : Tinjauan Dari Sudut Sejarah, sebagai tajuk kajian. Pemilihan tajuk ini berdasarkan kepada terlalu kurangnya penulisan-penulisan sejarah negeri Selangor mengenai kedatangan Islam, peranan dan amalannya khususnya mengenai undang-undang keluarga. Atas kesedaran itu penulis cuba untuk menulis kajian ini semoga ia dapat memberikan sedikit manfaat kepada masyarakat berkenaan dengan undang-undang tersebut.

Di samping itu juga, tajuk ini dipilih melihatkan kepada keunikan undang-undang keluarga Islam ini iaitu satu-satunya undang-undang Islam yang terus dikekalkan pemakaiannya oleh penjajah sedangkan undang-undang yang lain telah diganti dengan undang-undang Inggeris. Seterusnya cuba untuk mengetahui pelaksanaan undang-undang tersebut di negeri Selangor ini dan penerimaan masyarakatnya dari zaman pemerintahan Inggeris hingga sekarang ini.

2. Bidang Kajian

Dalam kajian ilmiah ini, penulis memfokuskan kajian mengenai pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor. Sebagai satu kajian sejarah tidak dapat tidak, penulis menyentuh semua faktor dan angkubah-angkubah yang dapat dijadikan landasan sehingga terlaksananya undang-undang keluarga yang ada sekarang ini iaitu Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984. Ini termasuklah sejarah awal kedatangan Islam ke Selangor, kemasukan penjajah Inggeris dan faktor-faktor mutakhir yang mana semuanya ini merupakan rentetan-rentetan sejarah yang saling berkaitan.

3. Masalah Kajian

Di sepanjang tempoh untuk menyiapkan kajian ini, penulis terpaksa menghadapi beberapa masalah dan kesulitan untuk mendapatkan kerjasama dari pihak-pihak yang berkenaan. Kesukaran untuk memperolehi data-data terutama mengenai sejarah penubuhan JAIS dan penggubalan rang Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984. Ini disebabkan ia tidak direkod dan disimpan dengan baik. Juga disebabkan kelemahan sistem penyusunan fail.

Sebagai manusia yang serba lemah ini, penulis menyedari akan kelemahan diri sendiri terutama dalam mengumpul dan mengolah dapatan-dapatan yang diperolehi. Penulis juga mengakui kemungkinan banyak kesilapan yang dilakukan dalam fakta-fakta yang diajukan berkenaan dengan kajian ilmiah ini. Oleh itu penulis memohon maaf atas kesilapan tersebut.

4. Metodologi

Sebagai satu kajian sejarah, penulis telah menggabungkan dua sumber penyelidikan untuk memperolehi data-data bagi menyediakan kajian ilmiah ini. Dua sumber penyelidikan itu ialah

- i. penyelidikan perpustakaan
- ii. penyelidikan luar.

Melalui penyelidikan perpustakaan ini, penulis lebih menumpukan kepada sumber-sumber sejarah seperti buku, fail, rekod, statut dan kes-kes yang dilaporkan. Dapatan-dapatan ini diperolehi dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Arkib Negara Malaysia dan Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan.

Manakala penyelidikan luar pula, penulis mengutamakan metod temubual untuk memperolehi data-data khususnya mengenai pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di negeri ini dulu dan sekarang. Metod temubual yang penulis gunakan ialah temubual berarah di mana soalan-soalan telah terlebih dulu disusun dengan teliti dan responden sudah diramalkan; dan temubual fokus iaitu temubual yang dilakukan terhadap orang-orang yang pernah terlibat dalam suatu peristiwa seperti ahli Jawankuasa Kecil Undang-undang yang menggubal rang Undang-undang Keluarga Islam Selangor dan lain-lain.

5. Sinopsis Kajian

Kajian ini dibincangkan dalam empat fasal dengan satu kesimpulan. Dalam fasal pertama menerangkan tentang sejarah kemasukan Islam ke negeri Selangor yang kemudiannya menjadi undang-undang asas negeri ini.